

25 AUG 2003

DR MAHATHIR-MEGAWATI ADAKAN HUBUNGAN DUA HALA KHAMIS INI

KUCHING, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengadakan rundingan dua hala dengan Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri di sini Khamis ini.

Menurut kenyataan Jabatan Penerangan Sarawak hari ini, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dijadual tiba di sini dari Kuala Lumpur pada 9.30 pagi manakala rakan sejawatannya dari Indonesia itu akan tiba pada pukul 12.10 tengah hari.

Perdana Menteri dijangka bertemu Megawati di hotel Kuching Hilton di sini sebelum kedua-dua pemimpin itu memulakan rundingan dua hala di tempat yang sama pada tengah hari, menurut kenyataan itu.

Dr Mahathir akan meraikan Megawati pada majlis bankuet di Dewan Bankuet, Kompleks Dewan Undangan Negeri di Petra Jaya di sini pada malam itu.

Dr Siti Hasmah pula dijadual menerima Ijazah Kehormat Kedoktoran dari Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Kota Samarahan di sini.

Delegasi Indonesia itu dijangka berlepas pulang pada keesokannya dan diikuti Dr Mahathir selepas itu.

-- BERNAMA

CJ LAT